

36.1 juta warga dunia hidapi AIDS

UM 2DEC 2001

Oleh
RAJMAH HASAN SIRAT

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Sebanyak 36.1 juta rakyat di seluruh dunia dianggarkan telah dijangkiti HIV/AIDS dengan lebih 8,000 mangsanya meninggal dunia setiap hari, kata Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir.

Di Malaysia, katanya, kira-kira 40,000 orang dijangkiti virus itu sejak ia dikesan pada sekitar pertengahan tahun 80-an.

Menurut beliau, apa yang dikesalkan ialah kebanyakan kes HIV/AIDS yang menular di negara ini berpunca daripada sikap berdiam diri pasangan wa-

nita yang menjadi mangsa akibat suami mereka yang mengamalkan seks ram-bang.

"Hal sebegini tidak boleh dibiarkan kerana turut menjadi mangsa ialah bayi yang bakal dilahirkan oleh ibu yang dijangkiti HIV. MAM bertanggungjawab melakukan sesuatu agar lebih ramai masyarakat berani tampil bagi membantu mengurangkan penularan virus berbahaya itu di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis sambutan Hari AIDS Sedunia 2001 dengan tema "Saya prihatin...anda bagaimana?" hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Presiden MAM, Datuk Dr. Low Bin Tick.

Perasmian sambutan itu dilakukan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Kawalan Penyakit Berjangkit, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Faizal Ibrahim.

Mengatur

Ketika ini, kata Marina, MAM giat mengatur enam program bersama Triangle Malaysia dalam usaha berterusan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penting langkah pencegahan awal.

Keenam-enam program adalah untuk mereka yang hidup dengan HIV/AIDS, pengguna dadah, pekerja seks, mak nyah, 'MSM' program untuk lelaki, dan

'WOW' program untuk wanita.

"Menyelesaikan masalah dengan perundingan selain tidak bersikap prejudis dan berasaskan sukarelawan yang prihatin serta bertolak ansur merupakan cara kami bergiat di kalangan mereka terbabit," ujarnya.

Sementara itu, ketika ditanya keberkesanan program-program kesedaran HIV/AIDS yang dijalankan di negara ini, Dr. Faizal berkata:

"Penularan virus HIV terus berlaku di negara ini. Justeru, kerjasama semua pihak terutama badan bukan kerajaan, swasta dan pihak-pihak berkaitan amat diperlukan... jangan biar kerajaan sendirian menanganinya," katanya.

Beliau berkata, Kementerian sentiasa menyokong seratus peratus usaha-usa-

ha langkah pencegahan awal oleh mana-mana pihak dan berharap kadar si-

far jangkitan HIV/AIDS di kalangan komuniti di negara ini.